

Karya Filem & Video Pelajar UniMAP Membanggakan Di FFVPM7

Oleh : Mohd Izwan Izhar Haris & Mohamad Nazri Mohd Khaled



KANGAR, 14 - 16 Januari 2010 - Buat julung kalinya Universiti Malaysia Perlis telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke 7. Festival yang bertemakan 'Ke Arah Persada 1 Malaysia' ini adalah anjuran bersama Lembaga Penapisan Filem Malaysia (FINAS) dan sokongan daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Rakan media yang turut mengembeleng tenaga menjayakan Festival ini adalah dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) akhbar dari Berita Utusan, dan Kosmo.

Antara objektif yang terkandung dalam FFVPM ini ialah mencungkil bakat di kalangan pelajar IPT dalam penghasilan filem dan kerja kreatif yang bermutu tinggi. Sehubungan dengan itu, sebagai menyahut cabaran semua IPT yang bersaing dalam Festival ini, UniMAP juga telah menghantar 7 hasil karya untuk dipertandingkan di peringkat saringan iaitu 1 bagi Kategori Video Klip, 1 Kategori Dokumentari, 1 Kategori Filem/Video Pendek,

1 Iklan dan 2 bagi Kategori Video Eksperimental. Namun begitu, sebanyak 3 karya yang berjaya ke Peringkat Akhir iaitu 1 Eksperimental, 1 Dokumentari dan 1 iklan.

Pada saingan di Peringkat Akhir ini, saudara Muhamad Khairul Amir bin Fadzalikh dengan hasil karya '1 Illusi' telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam kategori Filem Eksperimental. Beliau telah membawa pulang wang tunai RM 500.00 beserta sijil penghargaan. Manakala saudara Mohd Faiz Hafizi bin Mohamad Aziz yang menghasilkan karya Dokumentari bertajuk '7 Pesona', telah berjaya menambat hati juri dan seterusnya memenangi Anugerah Khas Juri, serta membawa pulang Trofi dan Sijil. Walaupun karya Iklan bertajuk 'MY Laksa' hasil saudara Mohd Fikri bin Mohd Amin tidak mendapat sebarang tempat bagi hadiah kategori tersebut, namun ianya masih boleh dibanggakan lagi setelah mengambil kira hampir 50 karya penyertaan di peringkat saringan.

Adalah menjadi satu kebanggaan UniMAP yang tidak langsung mempunyai pusat pengajian yang berteraskan bidang perfileman dan seni layar, namun masih dapat turut serta dalam bersaing dengan IPT lain yang mempunyai kepakaran dan kebolehan dalam bidang tersebut. Semoga dengan pendedahan dalam mengharungi pertandingan pada festival ini, pelajar dapat mengorak langkah bagi membina jaringan di dalam industri teknologi kreatif dan artistik seterusnya membangunkan Industri Filem tanahair ke peringkat antarabangsa, selaras dengan Dasar Perfileman Negara.

